

Bila Manusia Tersesat Di Alam Bunian



Oleh: Nur Munirah Shahnnon
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 23 Julai 2021

Kemunculan bunian di alam manusia sering diceritakan dalam kalangan masyarakat kita. Bunian sering dikaitkan dengan kehilangan seseorang di dalam hutan.

Kejadian manusia hilang disebabkan bunian biasanya berlaku sama ada bunian tersebut menyukai manusia yang berada di kawasan mereka atau manusia tersalah masuk ke alam bunian ketika berada di hutan.

Berdasarkan maklumat daripada orang yang berpengalaman tentang selok-belok hutan, terdapat petanda yang menunjukkan tempat tersebut merupakan kawasan bunian.

Antaranya, apabila memasuki hutan dan melihat buluh kuning atau terjumpa pokok besar tetapi halaman bawahnya bersih seolah-olah disapu dan dijaga, seseorang itu perlu mengelakkan diri daripada melalui lorong tersebut.

Jika di gunung pula, seseorang itu perlu mengelak daripada melalui lereng-lereng bukit yang mempunyai batu-batu besar kerana itu juga merupakan petanda pintu masuk ke alam bunian. Sekiranya termasuk ke alam bunian, hijab seseorang itu akan terbuka dan boleh melihat bunian.

Antara kisah yang menggemparkan negara melibatkan bunian berlaku pada tahun 2017. Seorang remaja lelaki, Mohd Azarul Mukhriz Abdul Rahman, 20, hilang di dalam hutan semasa melakukan aktiviti mendaki bukit bersama lima rakannya di Bukit Broga, Semenyih.

Azarul semasa menceritakan pengalamannya tersesat di alam bunian dalam rancangan Motif Viral berkata, dia terserempak dengan kanak-kanak bertudung yang ingin membawanya berjumpa dengan ahli keluarganya di gua.

Semasa berada di alam bunian, dia dapat solat seperti biasa dan membaca al-Quran bersaiz besar. Perkara aneh berlaku, ketika kitab tersebut membetulkan bacaannya apabila terdapat kesalahan.

Menjelang hari ketiga di alam bunian, kakak kanak-kanak tersebut mengajaknya berkahwin namun ditolak olehnya. Sehingga tiba hari ketujuh, dia tetap menolaknya. Perbuatannya menolak lamaran itu membuatkan gadis bunian tersebut marah.

Katanya lagi, ketika dia sedang berbaring setelah menolak lamaran gadis bunian itu, seekor ular tedung yang boleh berbicara jatuh di atas dadanya.

Ular tersebut memintanya keluar dari gua tersebut dan berjalan keluar mengikut kesan cahaya matahari. Akhirnya, Azarul dapat ditemukan.

Golongan yang disukai bunian

Acap kali mendengar, lebih ramai lelaki yang hilang di dalam hutan berbanding wanita. Hal ini kerana, gadis bunian amat tertarik dengan lelaki yang dianggap luar biasa.

Golongan perempuan jarang menjadi pilihan kerana gadis bunian dikatakan jauh lebih cantik berbanding manusia biasa.

Dikatakan ciri-ciri lelaki yang menjadi pilihan bunian kebiasaannya golongan yang sangat rapat dengan ibu mereka, berhati lurus serta amat baik ilmu agamanya untuk dijadikan sebagai pasangan hidup dan berkahwin dengan mereka di alam bunian.

Sebelum berkahwin, mereka akan meminta persetujuan daripada tuan badan terlebih dahulu dan mengemukakan beberapa syarat yang perlu dipersetujui sekiranya ingin berkahwin dengan bunian.

Antaranya, mereka tidak dapat pulang semula ke alam manusia. Sekiranya tidak dipersetujui oleh tuan badan, mereka akan dikembalikan semula ke alam manusia.

Bunian juga biasanya amat menyukai kanak-kanak yang belum baligh atau belum berkhitan kerana bagi mereka, kanak-kanak pada usia ini masih suci. Begitu juga bayi dalam kandungan turut menjadi pilihan bunian.

Hukum berkahwin dengan bunian

Jumhur ulama bersepakat bahawa perkahwinan antara jin dan manusia adalah tidak sah. Islam tidak mengiktiraf perkahwinan manusia dan jin kerana kejadian asas kedua-dua makhluk adalah berbeza walaupun pernah berlaku perkahwinan sedemikian.

Hakikatnya, manusia dan jin berkongsi bumi yang sama, namun alam mereka berbeza. Memasuki alam jin pasti menjadi pengalaman yang sukar dilupakan oleh mereka yang pernah melaluinya.

Sebaik-baiknya, timba ilmu berkaitan alam ghaib agar tidak mudah terpedaya dengan pujukan jin sekiranya tersesat di hutan dan memasuki alam bunian.